PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU KETIGA 2004

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan negara utama dan ekonomi serantau kekal mapan, walaupun harga minyak meningkat

Aktiviti ekonomi global kekal mantap pada suku ketiga, didorong oleh pertumbuhan pesat di Amerika Syarikat (AS), pemulihan ekonomi yang berterusan di Jepun dan Eropah, sementara pertumbuhan di rantau Asia kekal kukuh.

Pertumbuhan KDNK **AS** bertambah kukuh kepada 3.7% pada suku ketiga, didorong oleh pelaburan serta pertumbuhan penggunaan (4.6%) yang melebihi jangkaan. Sungguhpun keyakinan pengguna AS menurun sedikit disebabkan oleh harga minyak yang tinggi, penunjuk utama seperti jualan rumah, jualan runcit dan pendapatan individu masih kekal kukuh. Dengan kadar inflasi kekal rendah, *Federal Reserve* terus melaksanakan dasar monetari yang ketat, menaikkan kadar faedah untuk kali ketiga pada 21 September sebanyak 25 mata asas kepada 1.75%. Di **kawasan euro**, pertumbuhan KDNK kekal mapan pada 1.9% (S2 2004: 2%), diperkukuh oleh sektor luar negeri manakala permintaan dalam negeri kekal lemah. Ekonomi **United Kingdom** kekal kukuh, tetapi pertumbuhan adalah sederhana berikutan perkembangan yang lembab dalam sektor industri dan kesan dasar monetari yang ketat. Sementara itu, di **Jepun**, pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan kepada 0.3%, walaupun disokong oleh penggunaan swasta, berikutan eksport dan perbelanjaan modal yang lemah.

Negara-negara maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2003		2004			Faktor Penyumbang Utama Kepada Pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS [1]	7.4	4.2	4.5	3.3[s]	3.7	Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam perbelanjaan pengguna menyokong pertumbuhan pada S3.
UK	2.2	2.9	3.4	3.6[s]	3.1	Pertumbuhan dipengaruhi terutamanya oleh pemerlahanan sektor industri.
Jerman	-0.3	0.2	1.5	1.9[s]	1.3	Pertumbuhan sederhana, diketuai oleh peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan, tetapi dipengaruhi oleh penurunan dalam eksport.
Jepun [1]	2.3	7.6	6.3	1.1[s]	0.3	Pertumbuhan dipacu oleh penggunaan swasta, sementara eksport dan perbelanjaan modal berkurangan.

[1] berasaskan kadar tahunan
[s] semak semula
Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Pada suku ketiga, harga hadapan minyak global meningkat kira-kira 28.1% kepada AS$49.63 setong pada akhir bulan September 2004. Harga minyak terus meningkat untuk mencecah tahap AS$50 setong pada bulan Oktober 2004 (harga tertinggi ialah AS$55.67 pada 25 Oktober) sebelum menurun kepada AS$45.25 setong pada 15 November. Harga minyak yang kukuh didorong oleh ketidakpastian geopolitik, kemungkinan gangguan bekalan di negara OPEC (Iraq, Nigeria) dan bukan OPEC (Russia) dan permintaan global yang kukuh.

Di **rantau Asia**, pertumbuhan ekonomi kekal menggalakkan meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan ekonomi adalah menyeluruh dan disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam eksport dan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport menunjukkan tanda-tanda pengurangan pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh

kitaran elektronik global yang mulai perlahan. Pertumbuhan ekonomi di rantau ini diterajui oleh R.R. China, walaupun momentum pertumbuhannya telah menyederhana disebabkan oleh langkah-langkah ketat kerajaan untuk mengawal pertumbuhan kredit.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2003		2004			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
R.R. China	9.6	9.9	9.8	9.6	9.1	-Pertumbuhan menyeluruh yang berterusan berserta pengembangan dalam eksport dan jualan runcit. -Sedikit pengurangan dalam pertumbuhan S3 disebabkan usaha-usaha pentadbiran.
Singapura	1.7	4.9	7.5	12.5	7.5	-Dipacu oleh pertumbuhan dua angka dalam eksport. -Pengembangan lebih perlahan dalam sektor perkilangan terutamanya bio-perubatan.
Korea	2.4	3.9	5.3	5.5	4.6	-Didorong oleh eksport yang kukuh dan pengembangan pelaburan.
Chinese Taipei	4.0	5.7	6.7	7.9	5.3	-Pertumbuhan menyeluruh diterajui oleh pertumbuhan eksport yang kukuh.
Indonesia	3.7	4.1	5.0	4.5	5.0	-Pengembangan berterusan bagi penggunaan domestik.

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Pada suku ketiga, kadar **inflasi** terus meningkat disebabkan harga minyak yang melonjak di samping peningkatan yang berterusan bagi harga makanan serta kesan akibat wabak selesema burung yang melanda Asia. Di Hong Kong, tekanan deflasi bertukar arah dengan harga pengguna mencatat peningkatan sebanyak 0.8% berikutan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh serta harga makanan dan petroleum yang lebih tinggi. Ini merupakan peningkatan positif yang pertama semenjak suku ketiga tahun 1998. Hanya Singapura yang merekodkan kadar inflasi yang lebih rendah disebabkan oleh penurunan dalam kos perumahan dalam keadaan pasaran harta tanah yang lemah. Inflasi bagi negara-negara lain di rantau ini semuanya meningkat.

Taiwan dan Thailand meningkatkan kadar faedah masing-masing pada suku ketiga, diikuti oleh R.R. China dan India pada bulan Oktober untuk mengawal tekanan inflasi yang meningkat. R.R. China telah meningkatkan kadar faedah untuk mengatasi kebimbangan mengenai keadaan kemeruapan. Walau bagaimanapun, Korea telah mengurangkan kadar faedah untuk merangsang permintaan dalam negeri yang lemah.

Perkembangan ekonomi global masa hadapan dijangka kekal memuaskan walaupun akan perlahan sedikit akibat harga minyak yang tinggi. Walaupun keadaan pasaran pekerja semakin pulih, kadar inflasi rendah dan pertumbuhan adalah kukuh, Federal Reserve terus meningkatkan kadar faedah secara berperingkat-peringkat, dengan peningkatan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 2% pada 10 November. Di Jepun, data inflasi yang diumumkan pada bulan September dilihat sebagai tanda deflasi akan berakhir dan ekonominya dijangka menghadapi inflasi pada tahun hadapan. Sementara itu, perkembangan ekonomi rantau Asia pada masa hadapan dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh keadaan pekerjaan yang stabil dan perbelanjaan pengguna yang positif. Walau bagaimanapun, pertumbuhan serantau dijangka perlahan ketika permintaan elektronik global semakin lembab, harga minyak yang tinggi dan peningkatan dalam trend kadar faedah global.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan adalah menyeluruh

Pada suku ketiga tahun 2004, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi yang utama, iaitu perkilangan, perkhidmatan dan komoditi utama. Sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri. Aktiviti di sektor perkhidmatan juga kekal kukuh disokong oleh penggunaan serta aktiviti berkaitan perdagangan dan pelancongan, sementara prestasi sektor komoditi utama bertambah baik pada suku tersebut. Prestasi sektor pembinaan yang lebih lemah adalah disebabkan terutamanya oleh aktiviti yang lebih perlahan di subsektor kejuruteraan awam.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.9	1.9	3.2	3.6	6.1
Perlombongan	1.2	5.3	5.8	1.2	4.2
Perkilangan	8.3	12.2	12.7	11.9	9.9
Pembinaan	2.4	2.7	0.6	-1.7	-3.0
Perkhidmatan	4.9	4.7	6.6	7.8	6.1
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.3**	**6.6**	**7.8**	**8.2**	**6.8**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**4.3**	**2.7**	**-3.5**	**4.7**	**2.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor perkilangan kukuh

Pertumbuhan pengeluaran perkilangan kekal pada kadar dua angka sebanyak 11.5% pada suku ketiga 2004 (S2 2004:15.7%). **Sektor perkilangan** terus menjadi peneraju utama pertumbuhan dengan peningkatan dalam nilai ditambahnya sebanyak 9.9%. Aktiviti industri berorientasikan eksport dipengaruhi sebahagian besarnya oleh trend elektronik global serta kesan tidak langsung kepada industri kimia. Pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri pula adalah lebih tinggi hasil daripada permintaan dalam negeri yang kukuh dan eksport yang

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% Perubahan Tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	**8.3**	**12.2**	**12.7**	**11.9**	**9.9**
Pengeluaran Keseluruhan	**10.1**	**15.7**	**16.5**	**15.7**	**11.5**
Industri berorientasikan eksport antaranya:	**11.5**	**17.7**	**19.3**	**18.2**	**12.3**
- Elektronik	14.0	30.4	34.1	33.0	26.3
- Barangan Elektrik	-11.9	-3.5	-6.9	-7.7	-8.8
- Tekstil & pakaian	0.4	-11.1	-10.8	-7.8	-13.6
- Bahan kimia dan keluaran kimia	20.2	22.7	16.9	18.2	7.6
- Pemprosesan luar estet	17.1	0.0	3.3	-5.9	1.5
- Keluaran getah	26.2	23.9	24.1	21.2	7.8
- Kayu dan keluaran kayu [1]	1.1	-0.9	13.9	20.9	11.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri antaranya:	**6.0**	**8.8**	**7.6**	**7.5**	**8.8**
- Kelengkapan pengangkutan	-3.8	3.4	0.8	10.0	6.3
- Keluaran logam yang direka	0.5	17.5	35.4	23.9	46.2
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	13.7	13.3	6.2	9.0	-3.9
- Keluaran galian bukan logam	9.2	8.3	-1.2	-8.6	-4.5
- Keluaran petroleum	-6.5	-1.2	-1.9	-5.1	11.6
- Makanan	15.5	7.2	7.3	7.6	-1.6
Jumlah Eksport Perkilangan	**4.9**	**14.1**	**17.3**	**20.6**	**26.5**
- Elektronik dan barangan elektrik	3.2	13.2	14.9	17.8	20.5
- Keluaran kayu	-2.3	9.7	28.2	32.2	47.1
- Barangan perabot	3.3	18.2	14.5	14.8	24.0
- Tekstil, pakaian & kasut	-1.2	0.3	16.6	21.1	19.3
- Peralatan optikal & saintifik	6.2	12.5	11.4	33.2	37.0
- Bahan kimia dan keluaran kimia	13.9	24.4	25.2	28.0	43.5
- Keluaran petroleum	5.2	10.5	20.0	26.0	68.1

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

lebih tinggi. Kadar penggunaan kapasiti secara keseluruhan kekal tinggi pada tahap 80%, dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada paras 83% dan 75% (S2 2004: masing-masing 85% dan 74%).

Pengeluaran industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 12.3% (S2 2004:18.2%), dipengaruhi oleh kitaran elektronik global yang telah menunjukkan tanda-tanda memuncak pada suku kedua 2004, serta kesan limpahan ke atas industri berkaitan dalam kelompok industri kimia. Selain daripada plastik dan resin yang berkaitan dengan industri elektronik, industri kimia juga dipengaruhi oleh penurunan dalam pengeluaran gas industri pada suku tersebut, sejajar dengan penurunan pengeluaran gas asli. Sementara itu, industri yang berasaskan sumber terus mencatatkan pertumbuhan, terutamanya industri kayu dan keluaran kayu yang disokong oleh permintaan dari negara serantau.

Industri berorientasikan pasaran dalam negeri mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sedikit sebanyak 8.8%, didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri keluaran logam yang direka (46.2%), pemulihan dalam industri minuman (9.5%) dan pengembangan dalam industri kelengkapan pengangkutan (6.3%). Pengeluar-pengeluar dalam industri keluaran logam yang direka, terutama yang mengeluarkan bolt dan nat, paip gas dan paip air serta struktur logam untuk bangunan dan kontena, meningkatkan pengeluaran mereka, dirangsang oleh permintaan yang tinggi dari negara serantau dan kenaikan dalam harga. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan disokong oleh permintaan pengguna yang mapan bagi kenderaan penumpang seperti yang ditunjukkan oleh jualan kereta yang lebih tinggi serta eksport motosikal dan skuter yang tinggi ke negara serantau.

Asas pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.1%, mencerminkan asas pertumbuhan yang kukuh dalam semua subsektor, yang disokong oleh penggunaan serta aktiviti berkaitan pelancongan dan perdagangan yang kukuh. Perjalanan penumpang yang lebih pesat berikutan aktiviti pelancongan yang menggalakkan serta pertumbuhan jumlah kargo yang mapan, menyumbang secara positif kepada subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Subsektor tersebut juga didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri telekomunikasi, terutamanya segmen selular yang mendapat manfaat daripada inovasi produk dan penggunaan data mudah alih yang

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**6.5**	**5.8**	**7.4**	**7.8**	**6.2**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	5.7	8.0	7.8	9.0	7.4
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	6.9	4.6	7.2	7.1	5.5
Perkhidmatan Akhir	**3.8**	**3.9**	**6.0**	**7.8**	**6.0**
Elektrik, gas dan air	4.7	5.5	8.8	8.7	7.6
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	1.8	3.1	5.8	10.1	5.9
Perkhidmatan Kerajaan	7.3	5.1	5.7	4.3	6.9
Perkhidmatan lain	3.8	3.4	5.1	6.7	4.5
Jumlah Perkhidmatan	**4.9**	**4.7**	**6.6**	**7.8**	**6.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

semakin popular. Pada suku ketiga, bilangan pelanggan telefon selular meningkat lagi melebihi 13 juta, menyebabkan kadar penembusan meningkat kepada 50.7% (S2 2004: 48.5%).

Sementara itu, subsektor perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel terus berkembang sebanyak 5.9%. Berbanding dengan suku sebelumnya, pertumbuhan adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 4.5% (S2 2004: 0.4%). Aktiviti disokong oleh sentimen pengguna yang kukuh dan diperkuat oleh peningkatan yang memberangsangkan dalam ketibaan pelancong (51.5%), terutamanya pelancong dari Asia Barat yang berbelanja besar semasa cuti musim panas. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 5.5% disokong oleh kenaikan dalam pemberian pinjaman bank dan aktiviti insurans yang kukuh. Subsektor elektrik, gas dan air terus berkembang untuk memenuhi peningkatan dalam permintaan daripada kesemua pengguna.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih
Sektor Perkhidmatan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Penunjuk berkaitan pelancongan					
Kadar Penginapan Hotel (%)	57.1	59.3	56.4	58.4	65.6
Ketibaan pelancong	-24.2	3.8	38.4	127.4	51.5
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	3.4	10.7	10.8	44.6	15.2
Penunjuk berkaitan penggunaan					
Jumlah kredit penggunaan	11.6	11.1	11.4	13.3	14.7
Import barangan pengguna	-9.8	6.5	14.3	26.4	37.8
Jumlah jualan kenderaan penumpang	-9.5	-11.7	-3.3	18.8	19.6
Kadar penembusan telefon bimbit(%)	41.1	43.9	46.2	48.5	50.7
Penunjuk berkaitan perdagangan					
Kargo yang dikendali (Kesemua lapangan terbang)	3.7	2.9	6.6	11.3	13.7
Kargo kontena yang dikendali (Port Klang dan PTP)	14.5	11.2	15.8	17.8	8.3
Hasil Kargo (Kereta api)	0.0	10.3	-1.2	-0.4	19.9

Sektor komoditi utama mencatat pertumbuhan lebih tinggi

Sektor komoditi utama mencatat prestasi yang menggalakkan pada suku ketiga 2004, dengan pertumbuhan pesat dalam sektor pertanian (6.1%; S2 2004: 3.6%) dan sektor perlombongan (4.2%; S2 2004: 1.2%). Pertumbuhan dalam sektor pertanian adalah meluas, dengan kesemua subsektor utama, terutamanya minyak sawit, getah, perhutanan, koko, perikanan dan pertanian lain (termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran) mencatat pengeluaran yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan pula didorong secara keseluruhan oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah, sementara pengeluaran gas asli merosot.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah menunjukkan pemulihan yang ketara dengan peningkatan sebanyak 5.2% pada suku tersebut (S2 2004: -3.6%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak (12.2%). Pertumbuhan di negeri-negeri Timur Malaysia didorong secara keseluruhan oleh perluasan dalam kawasan matang, di samping peningkatan hasil dari kawasan yang ditanam semula. Hasil, seperti yang diukur oleh tandan buah segar dan kadar perahan minyak (OER) di kedua-dua buah negeri tersebut adalah lebih tinggi daripada kadar purata nasional, masing-masing sebanyak 5.22 tan sehektar dan

21.17% berbanding dengan kadar purata nasional sebanyak 5.15 tan sehektar dan 20.11%. Industri minyak sawit Malaysia juga mencatatkan dua pencapaian bersejarah pada suku tersebut: pengeluaran tertinggi (September 2004: 1.49 juta tan) dan OER tertinggi (Ogos 2004: 20.48%). Pada suku ketiga 2004, pengeluaran getah kekal kukuh pada kadar 23.1%. Pekebun kecil, yang mencakupi 95% daripada jumlah pengeluaran, meningkatkan aktiviti penorehan mereka untuk meraih faedah daripada harga yang kekal tinggi (435 sen sekilogram; S2 2004: 476 sen sekilogram). Pertumbuhan pengeluaran getah juga disebabkan oleh kenaikan dalam produktiviti melalui penggunaan teknologi penorehan baru, seperti skim penorehan berintensiti rendah *(LITS)*, yang mendorong peningkatan dalam hasil.

Subsektor perhutanan turut mencatat prestasi yang menggalakkan pada suku tersebut disebabkan oleh permintaan yang meningkat dari industri berasaskan kayu. Perikanan turut mencatat peningkatan sebanyak 2.6%, didorong secara keseluruhan oleh pendaratan ikan marin yang lebih tinggi (3.3%). Setelah merekodkan kemerosotan pengeluaran selama lima suku tahunan berturut-turut, koko mencatat pertumbuhan yang pertama pada suku ketiga tahun ini, dengan peningkatan ketara sebanyak 17.7% (S2 2004: -8.5%). Pertumbuhan ini disebabkan berkurangnya gejala jangkitan *black pod* yang telah menjejaskan hasil pengeluaran pada suku-suku sebelumnya, dan juga penggunaan input pertanian yang lebih baik dirangsang oleh harga koko yang tinggi (RM5,081 setan; S2 2004: RM4,617 setan). Pertanian lain, termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran, turut mencatat pertumbuhan pengeluaran lebih tinggi pada suku tersebut.

Prestasi Sektor Pertanian

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**5.9**	**1.9**	**3.2**	**3.6**	**6.1**
Pengeluaran [1] antaranya:					
Minyak sawit mentah	15.2	5.4	2.5	-3.6	5.2
Minyak isirung sawit mentah	20.6	3.4	3.7	-10.9	-3.5
Getah	6.1	12.4	23.4	32.9	23.1
Biji koko	-56.8	-42.0	-33.5	-8.5	17.7
Eksport (RM juta) antaranya:	**28.1**	**14.8**	**13.8**	**11.4**	**4.2**
Minyak sawit					
('000 tan)	36.1	0.7	5.1	-12.7	-14.0
(RM/tan)	7.3	10.6	6.5	16.9	5.9
(RM juta)	46.0	11.4	11.9	2.1	-8.9
Minyak isirung sawit					
('000 tan)	80.9	42.4	35.4	20.4	-39.9
(RM/tan)	-1.9	10.3	27.8	61.6	55.9
(RM juta)	77.4	57.0	73.1	94.5	-6.4
Getah					
('000 tan)	-6.7	9.7	23.4	12.1	15.7
(sen/kilogram)	26.8	36.1	36.5	35.9	28.5
(RM juta)	18.3	49.4	68.4	52.3	48.7
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	98.4	261.2	2.8	-28.0	-42.1
(RM/meter padu)	-49.8	-70.8	-9.6	31.9	95.2
(RM juta)	-0.4	5.6	-7.1	-5.0	13.0
Kayu balak					
('000 meter padu)	-11.3	9.9	-13.5	-11.0	22.8
(RM/meter padu)	-7.3	-5.7	1.0	19.6	7.3
(RM juta)	-17.8	3.7	-12.6	6.4	31.8
Biji koko					
('000 tan)	-74.3	-53.6	-76.0	-8.3	53.8
(RM/tan)	11.9	-11.0	-20.3	-12.9	-5.8
(RM juta)	-71.3	-58.7	-80.9	-20.1	44.8

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sektor perlombongan meningkat sebanyak 4.2% (S2 2004: 1.2%), didorong sepenuhnya oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) meningkat sebanyak 4.9%, kepada purata 760,560 tong sehari pada suku tersebut (S2 2004: 738,435 tong sehari) dalam keadaan permintaan luaran yang kukuh dan harga yang tinggi. Harga minyak mentah *Tapis Blend* Malaysia bertambah kukuh sebanyak 20% berbanding dengan suku

Prestasi Sektor Perlombongan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**1.2**	**5.3**	**5.8**	**1.2**	**4.2**
Pengeluaran antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	2.4	6.4	8.0	-0.2	4.9
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	-1.0	5.2	2.3	4.0	-1.4
Eksport (RM juta) antaranya:	**21.3**	**26.1**	**15.4**	**43.9**	**50.0**
Minyak mentah					
('000 tan)	15.6	19.3	4.1	4.5	7.8
(AS$/tong)	7.0	12.6	4.4	33.6	50.6
(RM juta)	23.6	34.3	8.6	39.6	62.3
Gas asli cecair					
('000 tan)	9.3	16.7	18.3	34.1	8.4
(RM/tan)	11.8	-0.1	-2.3	1.5	12.0
(RM juta)	22.1	16.6	15.6	36.0	21.4

sebelumnya kepada purata AS$45.10 (pertumbuhan tahunan: 54%) dan mengatasi paras AS$50 setong pada akhir bulan September. Permintaan untuk minyak mentah Malaysia yang berjenis *"light and sweet"* adalah kukuh disebabkan oleh kekangan penawaran minyak jenis tersebut di pasaran antarabangsa. Sementara itu, pengeluaran gas asli merosot sedikit pada suku tersebut sebanyak 1.4% kepada 8,061 juta tan (S2 2004: 8,689 juta tan) disebabkan oleh penutupan loji MLNG di Sarawak untuk tujuan penyelenggaraan.

Aktiviti pembinaan lemah

Sektor pembinaan terus menguncup sebanyak 3% (S2 2004: -1.7%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, aktiviti dalam segmen kediaman dan bukan kediaman kekal mapan. Permintaan untuk harta tanah kediaman adalah disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kadar pinjaman perumahan yang rendah. Khususnya, permintaan terhadap rumah bertanah adalah kukuh. Aktiviti pembinaan dalam subsektor bukan kediaman turut mengembang disebabkan oleh permintaan yang mapan bagi ruang pejabat dan perniagaan, terutamanya bagi projek yang terletak di lokasi utama. Penarikan balik sekatan bagi pembiayaan perantara untuk pembangunan harta tanah baru-baru ini dijangka memberi kesan positif ke atas sektor pembinaan pada masa hadapan.

Penunjuk Pembinaan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	14.9	21.5	42.0	0.7	-31.9
Kelulusan perumahan	19.3	26.7	48.5	-15.2	-30.8
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	11.2	10.6	2.2	-0.8	-4.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	17.9	16.1	-36.8	31.7	39.0
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-23.7	17.8	14.5	51.4	-61.9

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	4.9	7.7	7.3	8.4	7.1
Penggunaan	5.6	9.5	9.0	10.8	8.9
Sektor swasta	7.0	8.6	8.4	11.4	10.8
Sektor awam	1.8	12.2	11.4	8.7	3.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.2	3.6	3.5	3.5	3.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	4.4	10.9	15.6	19.3	18.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	1.5	15.9	19.4	25.3	23.2
KDNK	**5.3**	**6.6**	**7.8**	**8.2**	**6.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri kekal kukuh, diterajui sektor swasta

Selaras dengan perkembangan dua suku tahunan yang pertama, sektor swasta kekal menjadi penyumbang utama pertumbuhan **permintaan dalam negeri**, manakala sektor awam terus mengalami proses konsolidasi fiskal seperti yang telah dirancangkan. Perkembangan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh penggunaan isi rumah yang meningkat serta aktiviti pelaburan sektor swasta yang kekal mapan di samping sedikit sebanyak didorong oleh peningkatan penggunaan awam yang sederhana.

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 10.8% pada suku ketiga (S2 2004: 11.4%). Perbelanjaan pengguna lebih kukuh dengan peningkatan pendapatan boleh guna yang berterusan hasil daripada perolehan eksport dan harga komoditi yang tinggi. Kadar inflasi dan kadar faedah yang rendah serta pasaran pekerjaan yang stabil juga membantu menggalakkan penggunaan isi rumah.

Keyakinan pengguna yang bertambah baik dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) yang meningkat kepada 113.9 mata pada suku ketiga (S2 2004: 112.4 mata). Penunjuk-penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan, penjualan kenderaan penumpang, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada isi rumah, perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel serta kredit penggunaan, merekodkan peningkatan yang kukuh. Penggunaan isi rumah juga didorong oleh

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih rendah



promosi jualan di seluruh negara sempena musim cuti sekolah pada bulan Ogos. Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat secara sederhana dengan perbelanjaan terus disalurkan kepada bekalan dan perkhidmatan serta emolumen.

Pembentukan modal tetap kasar terus meningkat pada kadar 3.2% pada suku ketiga (S2 2004: 3.5%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang kekal mapan memandangkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun lagi. Pertumbuhan dalam pelaburan swasta adalah didorong oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi. Memandangkan pertumbuhan keluaran yang kukuh sejak suku ketiga 2003, syarikat-syarikat telah mengambil kesempatan daripada keuntungan korporat yang meningkat dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan untuk mempertingkatkan kapasiti. Aktiviti pelaburan adalah terutamanya untuk pelaburan yang berterusan dalam jentera dan

alat kelengkapan, pelaburan lebih tinggi dalam kelengkapan pengangkutan dan juga pengembangan kapasiti. Walaupun Indeks Keadaan Perniagaan MIER menurun kepada 110.2 mata pada suku ini (S2 2004: 124.1 mata), indeks ini masih melebihi paras 100 mata, memberi indikasi pengembangan sektor perkilangan masih lagi berterusan. Penunjuk-penunjuk utama pelaburan swasta yang lain, termasuk pinjaman diluluskan dan dikeluarkan kepada perniagaan dan pembinaan, import barangan modal dan jualan kenderaan komersial, turut mengesahkan bahawa pelaburan swasta masih berterusan. Di samping itu, pelaburan dalam negeri juga didorong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi, terutamanya di sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas.

Sebagai mencerminkan langkah konsolidasi fiskal yang berterusan, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus menurun. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini disalurkan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan, pendidikan, perumahan serta pertanian dan pembangunan luar bandar.

Keyakinan pengguna terus mengukuh manakala keyakinan perniagaan kekal mapan



Inflasi meningkat sedikit

Kadar **inflasi**, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sedikit kepada 1.5% (S2 2004: 1.2%). Harga makanan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga pada suku kedua disebabkan oleh kenaikan harga makanan yang diambil dari luar rumah. Harga bagi produk minuman dan tembakau turut meningkat berikutan kenaikan dalam duti eksais yang diumumkan dalam Bajet 2005. Namun, harga yang lebih tinggi bagi produk-produk tersebut diimbangi sebahagian besarnya oleh kejatuhan atau kenaikan harga yang lebih perlahan bagi produk dan perkhidmatan pengguna yang lain.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 11.9% (S2 2004: 11.2%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR terlaras mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih rendah iaitu 1.8% pada suku ketiga (S2 2004: 2.6%).

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja kekal stabil

Keadaan **pasaran pekerja** pada suku ketiga kekal stabil, disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang lebih kukuh. Bilangan kekosongan jawatan yang dilapor kepada pihak berkuasa (14,544 jawatan) jauh melebihi pemberhentian pekerja (2,879 orang) dan bilangan pencari kerja seramai 22,442 orang, merupakan jumlah terendah semenjak tujuh tahun yang lepas. Pertumbuhan produktiviti pekerja bagi suku ketiga, yang diukur oleh nilai jualan benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan, meningkat sebanyak 18.3%, melebihi peningkatan sebanyak 2% dalam upah benar bagi seorang pekerja.

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Eksport dan import mencatat pertumbuhan kukuh

Sejajar dengan perkembangan eksport perkilangan dan mineral yang kukuh, **akaun perdagangan** kekal kukuh dan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM22.7 bilion pada suku ketiga (S2 2004: RM18.1 bilion). Sementara eksport berkembang sebanyak 26.9%, import kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh iaitu 29.9%.

Imbangan perdagangan



Akaun Perdagangan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport kasar	**7.9**	**15.2**	**17.3**	**22.0**	**26.9**
Perkilangan	4.9	14.1	17.3	20.6	26.5
Pertanian	28.1	14.8	13.8	11.4	4.2
Galian	21.3	26.1	15.4	43.9	50.0
Import kasar	**1.3**	**16.1**	**23.5**	**32.1**	**29.9**
Barangan modal	-1.7	14.7	23.2	26.8	30.4
Barangan pengantara	4.4	18.4	22.5	31.8	25.9
Barangan penggunaan	-9.8	6.5	14.3	26.4	37.8
Imbangan perdagangan (RM bil)	**19.9**	**19.9**	**19.2**	**18.1**	**22.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 26.9% pada suku ketiga 2004 (S2 2004: 22%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam eksport perkilangan dan mineral, dan pengembangan yang berterusan dalam eksport pertanian. Pertumbuhan disokong oleh peningkatan dalam jumlah eksport (21.1%) dan harga (6.5%). Harga eksport komoditi, seperti minyak mentah, kayu siap digergaji, gas asli cecair dan getah meningkat dengan nyata pada suku tersebut.

Eksport barangan perkilangan terus berkembang sebanyak 26.5% (S2 2004: 20.6%), didorong oleh permintaan yang tinggi terhadap keluaran berasaskan sumber

terutamanya produk berkaitan logam, kayu, kimia dan petroleum serta eksport barangan elektrik dan elektronik yang terus berkembang. Pertumbuhan dalam eksport keluaran berasaskan sumber disebabkan oleh peningkatan harga komoditi dan permintaan yang tinggi dari negara-negara serantau, terutamanya China. Walaupun pengeluaran barangan elektronik mulai menyederhana sejajar dengan trend kitaran elektronik global, eksport barangan elektronik masih kekal tinggi disebabkan oleh tempahan sebelumnya. Di samping itu, eksport kelengkapan pengangkutan meningkat dengan nyata pada suku ketiga, terutama pelantar penggerudian terapung dan boleh tenggelam bagi aktiviti cari gali minyak dan gas.

Pada suku ketiga, nilai unit eksport barangan perkilangan meningkat sebanyak 2.5% (S2 2004: 0.8%), memandangkan penurunan harga bagi barangan elektrik dan elektronik telah diimbangi oleh peningkatan harga keluaran berasaskan sumber. Sementara itu, pertumbuhan jumlah eksport bagi barangan perkilangan kekal tinggi sebanyak 25% (S2 2004: 20.4%).

Eksport komoditi pertanian

meningkat sedikit sebanyak 4.2% pada suku tersebut (S2 2004 : 11.4%), disebabkan terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada kesemua subsektor utama, kecuali minyak sawit. Eksport minyak sawit merosot sebanyak 8.9% pada suku tersebut (S2 2004: +2.1%), akibat permintaan yang lebih rendah daripada pembeli-pembeli utama, seperti India, China, Pakistan dan Timur Tengah, berikutan pertambahan stok minyak sayuran di negara-negara tersebut sebelum musim perayaan pada akhir tahun. Kesan daripada permintaan yang lebih rendah ini telah diimbangi sebahagian besarnya oleh harga minyak sawit yang kekal tinggi (purata S3 2004: RM1,660 setan). Sementara itu, sejak beberapa bulan kebelakangan ini, Amerika Syarikat telah membeli lebih banyak minyak sawit Malaysia, dengan eksport ke negara tersebut mengembang sebanyak 61.1% pada suku tersebut kepada 81,530 tan. Pada masa ini, AS mencakupi 2.7% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia, berbanding dengan purata 1.5% pada tempoh 2000-2003. Peningkatan pembelian ini mungkin didorong oleh arahan Pentadbiran Pemakanan dan Dadah AS (FDA) yang mensyaratkan pengeluar makanan supaya melabelkan produk-produk mereka yang mengandungi Asid Transfatty (TFA), berkuat kuasa tahun 2006. Walaupun minyak sawit tidak mengandungi TFA, ia terkandung dalam minyak kacang soya, pesaing utama minyak sawit di pasaran minyak sayuran dunia.

Sebaliknya, eksport getah terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 48.7% (S2 2004: 52.3%), disokong oleh peningkatan yang nyata dalam harga (28.5%) dan jumlah eksport (15.7%). Peningkatan harga minyak mentah secara langsung telah menyebabkan harga getah tiruan (yang merupakan produk berasaskan petrokimia) meningkat. Ini menyebabkan harga getah asli diniagakan pada harga diskaun. Hasilnya, permintaan terhadap getah asli kekal kukuh, terutamanya dari negara-negara yang mempunyai sektor automotif yang besar seperti China, Jerman dan Perancis. Eksport getah ke negara-negara ini meningkat antara 25 -33% pada suku tersebut.

Eksport mineral terus berkembang pesat sebanyak 50%, disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang kukuh dalam harga minyak mentah pada suku ketiga. Harga eksport minyak mentah terus kukuh dan meningkat 50.6% kepada purata AS$43 setong disebabkan minyak mentah Malaysia lebih diperlukan kerana ia adalah jenis *"light and sweet"*. Pada masa ini, penawaran minyak mentah global adalah tidak seimbang, iaitu terdapat lebihan penawaran bagi minyak berjenis *"heavy and sour"* dan kekurangan minyak berjenis "*light and sweet"*. Pembeli utama, termasuk Australia, India, Thailand, Singapura dan Korea, meningkatkan pembelian mereka antara 50 hingga 79% pada suku ketiga. Sementara itu, eksport gas asli cecair (LNG) meningkat sebanyak 21.4%, disokong oleh harga yang lebih tinggi (12%), dan permintaan global yang lebih kukuh bagi gas asli. Pembeli tradisional LNG Malaysia, iaitu Korea dan China Taipei masing-masing meningkatkan import mereka sebanyak 175% dan 21% pada suku tersebut.

Bahagian pasaran eksport ke negara-negara serantau kekal pada 43.6%. Eksport ke negara serantau terus meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan eksport ke negara-negara perindustrian utama. Khususnya, eksport ke negara-negara ASEAN meningkat sebanyak 31.4%. Dengan itu, bahagian pasaran eksport Malaysia ke ASEAN kekal tinggi pada 24.8%. Eksport ke rantau Asia Timur terus kukuh dengan peningkatan sebanyak 22.3%, menggambarkan eksport ke Korea dan China Taipei yang lebih tinggi (masing-masing 65.4% dan 14.2%), sementara eksport ke Republik Rakyat China kekal pada 27.7%. Export yang lebih tinggi ke negara-negara serantau disokong terutamanya oleh pengembangan eksport barangan elektrik dan elektronik dan barangan berasaskan sumber seperti petroleum mentah dan petroleum yang ditapis, bahan kimia, kayu dan gas asli cecair. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 25.1% untuk mencakupi bahagian pasaran yang lebih tinggi iaitu 19.5%. Peningkatan ini disokong oleh eksport barangan elektrik dan elektronik, barangan petroleum dan petroleum mentah yang tinggi. Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik, eksport ke negara Kesatuan

Malaysia: Destinasi eksport

	2003		2004			2003		2004			2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion					% bahagian daripada jumlah eksport					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**20.0**	**21.1**	**19.3**	**22.8**	**25.0**	**19.7**	**19.4**	**17.9**	**19.3**	**19.5**	**-1.8**	**15.6**	**12.0**	**15.6**	**25.1**
Kesatuan Eropah	**12.1**	**12.7**	**13.3**	**13.7**	**15.0**	**12.0**	**11.7**	**12.3**	**11.7**	**11.7**	**8.6**	**8.5**	**16.0**	**14.8**	**23.5**
Negara ASEAN terpilih [1]	**24.2**	**27.1**	**26.9**	**28.9**	**31.9**	**24.0**	**24.8**	**25.0**	**24.5**	**24.8**	**1.1**	**17.1**	**17.3**	**20.8**	**31.4**
Negara Timur Laut Asia	**19.7**	**21.8**	**21.9**	**23.1**	**24.1**	**19.5**	**20.0**	**20.3**	**19.6**	**18.8**	**15.1**	**15.9**	**23.0**	**26.8**	**22.3**
Republik Rakyat China	6.7	7.6	7.2	8.1	8.6	6.7	7.0	6.7	6.8	6.7	22.2	35.0	34.9	30.2	27.7
Hong Kong China	6.9	6.9	6.4	7.5	7.4	6.8	6.4	6.0	6.4	5.8	27.2	10.5	8.6	25.3	6.8
China Taipei	3.7	3.8	3.6	3.8	4.2	3.7	3.5	3.3	3.3	3.3	11.5	14.6	6.4	11.2	14.2
Korea	2.3	3.4	4.7	3.7	3.9	2.3	3.1	4.4	3.1	3.0	-17.2	-3.5	47.5	43.1	65.4
India	**2.3**	**2.7**	**2.7**	**2.7**	**2.8**	**2.2**	**2.5**	**2.5**	**2.3**	**2.2**	**33.0**	**30.1**	**21.7**	**10.5**	**25.3**
Jumlah eksport	**101.1**	**109.1**	**107.8**	**118.0**	**128.2**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**7.9**	**15.2**	**17.3**	**22.0**	**26.9**

1 Termasuk negara-negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eropah meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 23.5%. Satu lagi perkembangan yang ketara pada suku ketiga adalah pertumbuhan eksport yang kekal tinggi ke Australia (55.7%), disokong terutamanya oleh eksport produk berasaskan sumber yang lebih tinggi.

Import kasar terus berkembang dengan kukuh sebanyak 29.9% kepada RM105.5 bilion, menggambarkan pertumbuhan dalam pengeluaran serta eksport barangan elektrik dan elektronik, di samping permintaan dalam negeri dan aktiviti pelaburan yang kukuh. Import **barangan pengantara** yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan import, terus meningkat sebanyak 25.9%. Import barangan tersebut merupakan input kepada pengeluaran eksport perkilangan khususnya barangan elektrik dan elektronik. Input yang mencatat peningkatan import yang ketara termasuklah bekalan perindustrian seperti logam dan keluaran logam, bahan kimia, alat ganti perkakas elektrik dan bahan pembinaan. Pertumbuhan dalam industri pemasangan motor hasil daripada permintaan yang kukuh terhadap kenderaan penumpang turut menyebabkan pertumbuhan dalam import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan. Import bahan utama dan yang diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman juga meningkat, menggambarkan pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh.

Satu perkembangan yang ketara ialah pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30.4% dalam import **barangan modal** yang menandakan pertumbuhan pelaburan swasta semakin kukuh. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy,* meningkat sebanyak 26.1%. Peningkatan import untuk tujuan pengembangan kapasiti dicatat oleh industri perkilangan dan perkhidmatan dan ini terbukti dengan pengimportan yang lebih tinggi bagi jentera, alat kelengkapan pejabat, alat

Pertumbuhan import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**-1.7**	**14.7**	**23.2**	**26.8**	**30.4**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	3.8	6.7	12.9	24.7	20.1
Alat kelengkapan pengangkutan	-56.9	203.7	205.1	78.3	279.1
BARANGAN PENGANTARA	**4.4**	**18.4**	**22.5**	**31.8**	**25.9**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	-3.1	9.9	31.8	109.5	56.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	-8.1	17.5	25.1	47.7	52.3
Bahan api dan pelincir	4.7	18.7	-2.1	23.1	76.4
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	12.8	19.3	23.2	20.7	9.0
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-26.5	16.8	24.6	75.0	45.1
BARANGAN PENGGUNAAN	**-9.8**	**6.5**	**14.3**	**26.4**	**37.8**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	-15.9	9.8	19.8	37.8	56.0
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	34.7	125.9	-8.5	15.2	45.5
Barangan pengguna, t.s.t.l.	-7.2	2.6	11.5	20.5	28.3
Barangan tahan lama	-10.9	-22.2	8.1	14.1	35.3
Barangan separa tahan lama	-4.7	9.4	15.8	22.0	23.1
Barangan tidak tahan lama	-7.3	16.7	10.2	22.7	29.2
BARANGAN DUA GUNA	**-4.4**	**23.2**	**22.6**	**27.9**	**45.3**
LAIN-LAIN	**-13.2**	**-5.0**	**7.5**	**5.2**	**17.5**
IMPORT TERTANGGUH	**2.0**	**16.6**	**21.7**	**30.0**	**27.4**
EKSPORT SEMULA	**-19.7**	**3.1**	**89.6**	**107.7**	**125.6**
IMPORT KASAR	**1.3**	**16.1**	**23.5**	**32.1**	**29.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

penjana, turbin dan motor elektrik serta kelengkapan telekomunikasi. Sejajar dengan penggunaan swasta serta permintaan yang lebih tinggi menjelang musim perayaan, import **barangan penggunaan** meningkat sebanyak 37.8%. Import makanan dan minuman untuk penggunaan isi rumah mencatat pertumbuhan yang nyata sebanyak 56% pada suku ketiga. Begitu juga dengan import barangan pengguna yang terus kukuh dengan peningkatan sebanyak 28.3%. Import barangan untuk tujuan eksport semula, terus meningkat dengan kukuh, menggambarkan pertumbuhan ketara dalam aktiviti pembungkusan dan pemasangan di kawasan pengagihan yang terletak di zon komersial bebas di pelabuhan-pelabuhan utama.

Ketibaan pelancong kekal tinggi

Ketibaan pelancong kekal tinggi, iaitu sebanyak 3.8 juta pada suku ketiga (S2 2004: 3.9 juta). Pelancong dari Singapura, Thailand dan Indonesia masih mencakupi bahagian yang besar daripada jumlah ketibaan pelancong (74.4%). Pelancong dari Jepun, China Taipei dan Korea Selatan mencatat peningkatan yang tinggi sejajar dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik dan rangkaian penerbangan yang lebih banyak selaras dengan pertambahan dalam penerbangan. Kempen pemasaran agresif yang disasarkan kepada pelancong cuti musim panas membawa kepada peningkatan empat kali ganda dalam jumlah pelancong dari Asia Timur pada suku ini. Pelancong dari negara Oceania dan Eropah juga meningkat, hasil daripada pakej promosi dan kempen pemasaran yang menarik.

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



Pelaburan langsung asing, pelaburan luar negeri dan pelaburan portfolio mencatat aliran yang lebih tinggi

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (FDI) adalah lebih tinggi pada suku ketiga 2004 (RM4.1 bilion; S2 2004: RM3.2 bilion). Aliran masuk FDI terus bersifat menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan dan perkilangan, serta sektor minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan dalam subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit terus kekal tinggi. Sementara itu, pelaburan dalam sektor perkilangan tertumpu kepada barangan elektrik dan elektronik, logam dan kimia serta aktiviti berkaitan petroleum. Setelah mengambil kira aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat yang berkaitan, FDI mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM2.0 bilion. (S2 2004: RM0.5 bilion).

Aliran keluar kasar **pelaburan luar negeri** meningkat kepada RM5.3 bilion (S2 2004: RM2.6 bilion) disebabkan

terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi yang diberikan oleh syarikat milik bukan pemastautin di Malaysia kepada syarikat yang berkaitan dengan mereka di luar negeri. Pelaburan ini dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, khususnya institusi kewangan dan syarikat pelaburan induk, serta syarikat dalam sektor pembinaan dan subsektor perdagangan borong dan runcit. Pelaburan oleh syarikat-syarikat dalam sektor minyak dan gas serta perkilangan, khususnya bagi aktiviti berkaitan petroleum dan industri elektrik dan elektronik, adalah lebih besar. Aliran keluar ini disalurkan terutamanya ke Chad, Thailand, Sudan, Vietnam dan Singapura. Pelaburan luar negeri, sesudah mengambil kira aliran masuk daripada pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri, mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion (S2 2004: RM0.2 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.1 bilion (S2 2004: RM2.3 bilion; S1 2004: RM16.3 bilion), sejajar dengan sentimen pasaran saham yang lebih baik dan minat asing berterusan dalam sekuriti hutang Malaysia.

Hutang luar negeri berkurangan

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurangan kepada RM193.1 bilion atau AS$50.8 bilion pada akhir bulan September 2004 (S2 2004: RM194.2 bilion), bersamaan dengan 49.1% daripada nilai KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih rendah berjumlah RM149.7 billion atau AS$39.4 bilion (S2 2004: RM152.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). PABK mencatat pembayaran bersih sebanyak RM3.4 bilion, mencerminkan jumlah pengambilan hutang luar negeri yang lebih rendah, manakala jumlah pembayaran ternyata lebih besar. Sementara itu, sektor swasta, terutamanya sektor pertanian dan sektor-sektor minyak dan gas mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** sebanyak RM43.3 bilion atau AS$11.4 bilion (S2 2004: RM42.1 bilion), mencerminkan

Hutang Luar Negeri yang Belum Dijelaskan



1/ Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2003		2004		
	Akhir Sep.	Akhir Dis.	Akhir Mac	Akhir Jun	Akhir Sep.[a]
	RM bilion				
Hutang jangka sederhana & panjang	157.7	152.8	149.7	152.1	149.7
Sektor awam	101.5	96.8	94.3	97.2	93.2
Sektor swasta	56.2	56.0	55.5	54.9	56.5
Hutang jangka pendek[1]	36.3	33.5	35.3	42.1	43.3
Jumlah hutang luar negeri	193.9	186.3	185.1	194.2	193.1
- bersamaan AS$ bilion	51.0	49.0	48.7	51.1	50.8

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

peningkatan yang sederhana bagi hutang luar negeri jangka pendek sektor perbankan. Peningkatan tersebut disebabkan terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai oleh bank-bank berkaitan dengan urus niaga perdagangan dan operasi pasaran kewangan yang melibatkan aktiviti kewangan serantau. Pada akhir bulan September, hutang jangka pendek kekal pada paras yang rendah, mencakupi 22.4% daripada jumlah hutang luar negeri, dan adalah kira-kira 20.1% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Trend yang meningkat dalam **rizab antarabangsa** Bank Negara Malaysia berterusan pada suku ketiga tahun 2004. Pada 30 September 2004, rizab antarabangsa bersih berada pada RM216.1 bilion (AS$56.9 bilion), merupakan peningkatan sebanyak RM11.3 bilion (AS$3 bilion) sejak akhir bulan Jun. Peningkatan rizab sepanjang suku ini disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan eksport yang lebih tinggi dan aliran masuk pelaburan portfolio serta pelaburan langsung asing. Paras rizab ini juga telah mengambil kira pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing dengan keuntungan sebanyak AS$392 juta. Sementara itu, aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran untuk import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik pinjaman luar negeri serta penghantaran balik dividen.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Rizab terus meningkat kepada RM231.4 bilion (AS$60.9 bilion) pada 12 November 2004, disokong oleh penghantaran perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio. Paras rizab cukup untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan merupakan 5.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal lebih rendah

Kerajaan Persekutuan mencatat **defisit fiskal** yang lebih rendah sebanyak

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]

	2003		2004		
	S3	Jan-Sep	S2	S3	Jan-Sep
	RM bilion				
Hasil	23.3	58.2	21.8	24.6	64.1
% perubahan tahunan	19.9	3.6	2.9	5.5	10.2
Perbelanjaan mengurus	17.8	52.8	19.7	19.9	55.8
% perubahan tahunan	12.6	14.4	-11.4	11.9	5.7
Akaun semasa	**5.5**	**5.4**	**2.1**	**4.6**	**8.3**
% daripada KDNK	***5.5***	***5.4***	***1.9***	***4.1***	***2.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	8.1	25.0	7.3	6.2	18.4
% perubahan tahunan	-8.5	20.2	-19.9	-23.0	-26.6
Terimaan balik pinjaman	0.3	0.5	0.2	0.1	0.4
Imbangan keseluruhan	**-2.4**	**-19.1**	**-4.9**	**-1.5**	**-9.7**
% daripada KDNK	***-2.4***	***-19.1***	***-4.5***	***-1.3***	***-2.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	**25.9**	**77.8**	**27.0**	**26.2**	**74.2**
% perubahan tahunan	5.0	16.2	-13.8	1.0	-4.7
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	188.6	188.6	197.8	204.4	204.4
% daripada KDNK	47.8	47.8	45.1	46.6	46.6
Dalam negeri	148.4	148.4	160.8	169.5	169.5
% daripada KDNK	37.7	37.7	36.7	38.7	38.7
Luar Negeri	40.2	40.2	37.0	34.9	34.9
% daripada KDNK	10.2	10.2	8.4	8.0	8.0

a Awalan

RM1.5 bilion atau 1.3% daripada KDNK pada suku ketiga berikutan kutipan hasil yang lebih tinggi dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah. Penerimaan hasil yang meningkat sebanyak 5.5%, mencerminkan kutipan yang lebih tinggi daripada cukai pendapatan dan kebanyakan kategori utama cukai tidak langsung. Penerimaan daripada cukai jualan adalah lebih rendah disebabkan oleh pengecualian duti yang lebih tinggi ke atas produk petroleum bagi menstabilkan harga runcit berikutan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi. Jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan 1% disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Dalam keadaan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dalam negeri, defisit fiskal telah dibiayai sepenuhnya daripada sumber dalam negeri. Pada akhir September 2004, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah sebanyak RM204.4 bilion atau 46.6% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada 18.1% daripada hutang luar negara atau 8% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]



[a] Awalan